

Graduan jayakan Perarakan Berjubah Graduan UMS

KOTA KINABALU 6 Okt. – Seramai 65 graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini berarak dari Dewan Masyarakat Kota Kinabalu ke bangunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bagi menjayakan Perarakan Berjubah Graduan UMS kali ke-4.

Perarakan yang bermula pukul 9 pagi itu diketuai Pengurus Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egoh dan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon.

Selain itu, seramai 150 anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) UMS, Kor Sukarelawan Siswa Siswi (Suksis) UMS, dan Kumpulan Pancaragam Polis turut menyertai perarakan tahunan tersebut.

Sebaik sahaja tiba di bangunan DBKK, majlis diteruskan dengan pembacaan Pernyataan Majlis oleh wakil UMS diikuti upacara penyerahan replika kunci bandar raya ini kepada graduan oleh Datuk Bandar Kota Kinabalu, Datuk Iliyas Ibrahim.

Menurut Kamaruzaman, penyera-

han kunci berkenaan kepada setiap graduan adalah sebagai simbolik keizinan dan kesudian menerima pelajar UMS sebagai warga bandar raya ini.

“Sememangnya majlis perarakan ini merupakan acara tahunan setiap kali menjelang majlis konvokesyen.

“Ia sebagai simbol penerimaan pihak bandar raya terhadap penuntut UMS yang kampus induknya yang berada di bumi Sabah,” katanya.

Tambahnya, pemilihan tema ‘Ilmu Tonggak Transformasi Masyarakat’ pada kali ini juga bertepatan dengan peranan penting UMS dan DBKK sebagai tonggak wawasan rakyat negeri itu.

DR. KAMARUZAMAN AMPON (depan kiri) berarak bersama anggota Lembaga Pengarah, Senat dan graduan UMS ke DBKK bagi memulakan Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS sempena Konvokesyen Ke-12 UMS di Jalan Pantai, Kota Kinabalu, semalam.

